

Kerajaan jamin kebajikan rakyat

Oleh **ARIF AIMAN ASROL**
aiman.asrol@mediamulia.com.rmy

GOMBAK: Datuk Seri Anwar Ibrahim berikrar kerajaan perpaduan akan menggunakan kuasa dan pengaruh yang ada untuk menjaga kepentingan dan kebajikan rakyat.

Menurut Perdana Menteri, terdapat banyak agenda yang belum dilaksanakan oleh kerajaan dalam usaha menjaga rakyat.

Oleh itu, kata Anwar, bagi memastikan semua agenda terse-

Perkuatkan kerajaan perpaduan pada PRN kerana banyak agenda belum dilaksanakan

but boleh dilaksanakan kerajaan perpaduan perlu diperkuatkan menerusi Pilihan Raya Negeri

(PRN) pada 12 Ogos ini.

“Pada 29 Julai ini adalah (hari) penamaan calon, jadi saya harap kita perkuatkan kerajaan perpaduan untuk kita dapat jalan kerja (yang) baik untuk semua rakyat.

“Kita ada Menteri Besar yang baik (Datuk Seri Amirudin Shari) dan kita ada Pengerusi Barisan Nasional (Datuk Megat Zulkarnain Omarin). Kita bekerjasama dengan BN sekarang.

“Jadi saya harap kita jangan lupa ada agenda yang belum

kita laksanakan. Insya-Allah kita gunakan kuasa dan pengaruh untuk menjaga kepentingan rakyat,” kata Perdana Menteri sebelum menjamu selera di Restoran Sri Ayu di Medan Selera Sri Gombak di sini semalam.

“Alhamdulillah dapat bersama-sama solat Jumaat di sini (dan) makan dahulu. Makan tidak mengapa, Menteri Besar (Amirudin) ada (beliau) boleh bayar.

Bersambung di muka 3

Kerajaan jamin kebajikan rakyat

Dari muka 1

“Kemudian santai sahaja, ini sudah menjadi acara mingguan saya iaitu makan di warung (selepas itu) solat Jumaat,” katanya.

Selepas kira-kira setengah jam makan, Anwar yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) menunaikan solat Jumaat di Masjid Al-Khairiyah.

Untuk rekod, PRN bakal diadakan di enam buah negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Kedah, Terengganu dan Kelantan.

Ia melibatkan 9,773,571 pemilih di enam negeri mengikut data terkini Daftar Pemilih Tambahan April 2023 yang dikemas kini sehingga 21 Jun lalu.

Menjelang PRN, kesemua parti politik sedang mempersiapkan jentera masing-masing bagi memastikan calon yang dipertaruhkan memenangi 245 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dipertandingan.

Sementara itu, mengenai pertemuan secara persidangan video dengan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) SpaceX, Elon Musk di Pejabat Perdana Menteri pada sebelah pagi, Anwar berkata, ahli perniagaan itu memilih Cyberjaya untuk



ANWAR Ibrahim dan Elon Musk mengadakan pertemuan melalui sidang video selama 25 minit di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya semalam.

membina sebuah ibu pejabat kenderaan elektriknya.

“Perkembangan tersebut terutamanya mengenai peningkatan kenderaan elektrik (EV) dalam Malaysia.

“Beliau (Musk) bersetuju untuk beroperasi dari Cyberjaya. Tentang Starlink, tentang in-

ternet akses (dan) ketersambungan itu kita (sudah) bersetuju.

“Ini akan memberikan ruang kepada semua kawasan luar bandar, sekolah (dan) universiti untuk mendapat akses internet secara langsung yang murah,” kata beliau.

Terdahulu Anwar dan Musk

mengadakan pertemuan melalui sidang video 25 minit bermula pukul 9.30 pagi di Pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Turut Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz dan Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil.